

# Murid SK St Anne timba ilmu di UMSKAL

UB 1.11.2013 B2

LABUAN: Seramai 72 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan St Anne telah mengadakan lawatan pendidikan ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Lawatan yang membabitkan 40 murid lelaki dan 32 murid perempuan diketuai Rogayah Mohamad Zain bersama tiga guru pengiring.

Rogayah berharap lawatan sambil belajar itu akan memberi motivasi kepada murid Tahun Enam untuk belajar bersungguh-sungguh agar hasrat mereka memasuki menara gading akan tercapai.

Penolong Pendaftar Pentadbiran, Noraini Samsu



**GEOFFREY (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Rogayah diperhatikan pegawai UMSKAL dan guru pengiring Sk St Anne.**

menyampaikan taklimat mengenai urusan pentadbiran

manakala taklimat mengenai Sekolah Sains Informatik

Labuan (SSIL) disampaikan oleh pensyarahnya, Nona Masni Nistah di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara UMSKAL.

Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Pengarah, Prof Madya Dr Ismail Ali menyampaikan cenderamata kepada wakil SK St Anne, Rogayah Md Zain.

Murid berkenaan turut melawat bekalan air di Sungai Pagar.



**MURID dan guru SK St Anne bergambar kenangan selepas mengadakan lawatan pendidikan ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan.**